

KERANGKA PEMBANGUNAN KIT E-TA'AM UNTUK PENGAJARAN HADITH DALAM KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH

Mohammad Najib bin Md. Norani¹

Saipolbarin bin Ramli²

¹ Calon PhD, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

² Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Abstrak

Kajian ini merujuk kepada satu pembangunan projek inovasi dalam menghasilkan satu kit Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) khususnya dalam membantu murid untuk menguasai kemahiran membaca teks untuk matapelajaran bahasa Arab dalam topik Adab Makan. Maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar sikap dan penguasaan bahasa Arab murid Tahun 5 sekolah rendah yang terlibat dalam program j-QAF secara empirikal melalui pembangunan kit yang dikenali sebagai kit e-Ta'am. Sebanyak 40 buah hadis yang berkaitan dengan adab makan dimasukkan dalam kit ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan melibatkan soal selidik dan analisis data terhadap 357 orang murid daripada 357 buah sekolah terpilih di seluruh Malaysia yang merupakan sampel kajian. Seterusnya data ujian pra dan pos dianalisis menggunakan program SPSS bagi mengukur pencapaian di antara sampel sebelum dan selepas mereka menggunakan kit e-Ta'am. Manakala data pemerhatian dianalisis secara manual bagi menunjukkan perbandingan penguasaan bahasa Arab menggunakan teks hadith murid di antara sekolah bandar dan luar bandar. Hasil penelitian menunjukkan murid berhadapan dengan masalah untuk menguasai hadith yang berkaitan adab makan seperti yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dengan baik. Antara faktor yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai hadith adab makan dengan baik adalah kekurangan bahan interaktif yang digunakan dalam PdP. Oleh itu kajian ini dibangunkan sebagai medium alternatif untuk kegunaan murid dalam PdP hadith adab makan. Hasil daripada kajian yang dihasilkan ini akan dapat membantu murid untuk menguasai bahasa Arab melalui penggunaan modul e-Ta'am dan secara tidak langsung dapat mengenal dalil dan asas ilmu hadith agar murid dapat memahami dan mempratikkan adab makan berpandukan teks hadith. Justeru, kajian ini secara asasnya akan dapat memberi sumbangan kepada PdP dalam matapelajaran bahasa Arab dan ia membuka ruang penelitian untuk diterokai bagi

Perkembangan Artikel

Diterima: 13 Disember 2023

Diterbit: 30 April 2024

*Corresponding Author:

Saipolbarin bin Ramli, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim

kesinambungan penyelidikan tentang sikap dan penguasaan pelajar Bahasa Arab, khususnya di peringkat sekolah rendah di Malaysia. Diharapkan semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada pendidik dan pengurus sekolah dalam menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan menarik dalam matapelajaran bahasa Arab.

Kata kunci: *pembangunan modul, hadith adab makan, sekolah rendah*

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang digunakan dalam medium komunikasi di peringkat global dan di Malaysia. Di peringkat global, bahasa Arab merupakan antara 5 bahasa yang paling banyak digunakan selain bahasa Mandarin, Inggeris, Sepanyol dan Perancis. Bahasa Arab juga merupakan bahasa yang digunakan di 26 buah negara sebagai bahasa rasmi dan menjadi salah satu daripada enam bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Kaye and Holes, 1997). Susulan kenyataan itu, KPM telah menganjurkan Seminar Jawi, Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Mac 2004 (BKPIIM KPM, 2005). Seminar yang bertempat di Hotel Pan Pacific KLIA Sepang ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan masyarakat dan para cendekiawan terhadap saranan tersebut. Seminar tersebut telah memutuskan supaya Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab dijalankan bersama model-model projek j-QAF yang lain. Model-model yang terlibat ialah Model Pemulihan Jawi, Model 6 Bulan Khatam al-Quran, Model Tasmik, Model Bahasa Arab Komunikasi dan Model Kem Bestari Solat.

Kajian yang akan dijalankan ini menggunakan pengajaran modular antara matapelajaran bahasa Arab Tahun 5 di bawah tajuk "هيا نأكل الخضراوات" (Mari Kita Makan Sayuran) dengan matapelajaran Pendidikan Islam Tahun 2 di bawah tajuk 'Berkati Rezekiku' bersumberkan buku teks sekolah kebangsaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian ini telah mendorong pengkaji untuk membangunkan satu kit media bagi mengenal pasti potensi gamifikasi menerusi permainan dapat diterapkan dalam pendidikan dan implikasinya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab. Terdapat juga kit media yang dibangunkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti yang dibangunkan oleh Nurul Haniza Samsudin (2017) yang membangunkan Kit Asas Membaca, Vijayaletchumy (2019) kit media Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMBAM), Albani (2018) kit media i-SenNa (Interaktif Sendi Nama). Kit media yang akan pengkaji bangunkan ini dinamakan e-Ta'am atau terjemahannya dalam Bahasa Melayu e-Makan kerana kit ini mengumpulkan koleksi hadis yang berkaitan dengan adab makan bermula dari awal hingga adab selesai makan. Di samping itu ia dibangunkan bertujuan untuk menyediakan suatu medium alternatif bagi membantu meningkatkan penguasaan murid dalam mempelajari bahasa Arab.

Kit e-Ta'am dibangunkan dengan menggunakan pendekatan konsep didik hiburan dan belajar sambil bermain. Walaupun, secara dasarnya matlamat permainan adalah sekadar untuk hiburan dan seronok tetapi tradisi bermain cuba diaplikasikan sebagai medium pengantara dalam proses pembelajaran. Kajian ini akan membincangkan tentang cara penggunaan teks hadith sebagai medium untuk membantu murid sekolah rendah menguasai bahasa Arab. Oleh itu, tujuan

pembangunan kit e-Ta'am ini ialah untuk meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Arab menggunakan teks hadith yang berkaitan dengan adab makan yang terdapat dalam kitab-kitab hadith khususnya al-Kutub al-Sittah. Melalui pendekatan ini, ia akan dapat membantu murid menguasai bahasa Arab dan secara tidak langsung dapat mengenal dalil dan asas ilmu hadith agar murid dapat memahami dan mempratikkan adab makan berpandukan teks hadith.

PENYATAAN MASALAH

Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menjejaskan potensi serta motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain dalam mata pelajaran (Rasid, 2019). Murid yang mewarisi tahap kecerdasan yang rendah sering memperlihatkan gangguan emosi seperti bimbang, takut, marah dan berbagai-bagai perasaan lagi yang pastinya menjejaskan tumpuan dan perhatian terhadap pembelajaran (Zulkifley, 2006). Motivasi guru adalah suatu bentuk keazaman, kesungguhan serta kesedaran guru terhadap profesion mereka. Ia merupakan faktor dalaman yang penting dan mampu meningkatkan potensi pelajar serta meningkatkan keyakinan mereka. Perkara yang menjadi permasalahan dalam aspek motivasi guru bahasa Arab adalah kurangnya keyakinan dan kepercayaan terhadap pelajar mereka. Hal ini demikian kerana, mereka kerap menggunakan terjemahan sebagai metod pengajaran yang akhirnya menghasilkan pelajar yang bersifat pasif dan memberi kesan terhadap kompetensi guru tersebut (Rosni Samah, 2012).

Para guru juga perlu peka dan cakna bahawa motivasi murid juga boleh turut terjejas apabila pengisian pembelajaran dilaksanakan dengan aktiviti yang tidak bermakna dan kurang merangsang (Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin, 2014). Sekolah yang cemerlang bermula dari guru yang kreatif dan mampu menjadikan PdP berkesan. Justeru, para guru perlulah memikirkan teknik dan kaedah yang menarik serta mampu memberi kesan terhadap minat pelajar untuk terus mempelajari bahasa Arab. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan kit e-Ta'am menggunakan teks hadith bagi memperkasakan penguasaan murid di sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Arab. Justeru kajian ini juga berusaha untuk mengenal pasti keperluan Pembangunan Modul e-Ta'am dan keberkesannya untuk murid sekolah rendah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan:

- i. Menganalisis keperluan pembangunan kit e-Ta'am dalam kalangan murid sekolah rendah untuk PdP hadith.
- ii. Membangunkan kit e-Ta'am dalam PdP teks hadith dalam kalangan murid sekolah rendah.
- iii. Menilai kebolegunaan penggunaan kit e-Ta'am bagi PdP teks hadith dalam kalangan murid sekolah rendah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Bidang PdP Bahasa Arab Menggunakan Teks Hadith

Kajian ini amat penting terhadap perkembangan bidang PdP bahasa Arab di Malaysia, khususnya dalam bidang teknologi dan pendidikan bahasa Arab serta linguistik gunaan. Kajian pembangunan kit E-Ta'am ini dijalankan bagi menyelesaikan masalah penguasaan murid dalam proses PdP bahasa Arab melalui penggunaan teks hadith. Justeru, kajian ini memberi signifikan yang besar terhadap aplikasi pedagogi, strategi pembelajaran yang berkesan dan inovasi dalam PdP, dalam merealisasikan matlamat PdP bahasa Arab sejajar dengan kepentingannya di peringkat global.

Sekolah

Kajian ini dapat membantu pihak sekolah khususnya untuk murid-murid yang mempelajari matapelajaran bahasa Arab bagi memperkasa bahasa Arab menggunakan teks hadith. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah membangunkan kit E-Ta'am di setiap makmal komputer atau aplikasi dalam telefon pintar, agar dapat diaplikasikan terhadap murid-murid di sekolah. Selain itu, kajian ini juga membantu pihak sekolah dalam melahirkan murid-murid yang kompeten dan berkemahiran dalam menguasai bahasa Arab menggunakan teks hadith, sejurus mencapai penguasaan terhadap matapelajara bahasa Arab itu sendiri.

Guru Bahasa Arab

Usaha ini dapat membantu guru-guru bahasa Arab di sekolah untuk mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran selari dengan PAK-21. Berbanding pendekatan dan kaedah tradisional yang berpusatkan guru, pembangunan perisian kit E-Ta'am ini dapat membantu para guru menggunakan pendekatan atau kaedah pembelajaran berpusatkan murid. Ini bertujuan untuk menjadikan suasana kelas pembelajaran bahasa Arab yang aktif, melatih para guru menggunakan teknologi dan multimedia dalam pengajaran, serta mencapai objektif penguasaan bahasa Arab menggunakan teks hadith yang tinggi dalam pelbagai konteks dan situasi.

Murid

Kajian ini memberi signifikan yang besar kepada murid-murid sekolah rendah dalam membantu mereka meningkatkan tahap penguasaan dalam bahasa Arab menggunakan teks hadith melalui model e-Ta'am. Pembangunan kit e-Ta'am ini dapat memberikan pengalaman simulasi komunikasi dan interaksi kepada murid bagi menggunakan teks hadith dalam menguasai bahasa Arab. Selain itu, inovasi kit media ini juga membantu murid-murid meningkatkan motivasi dan minat murid untuk belajar matapelajaran Bahasa Arab dan mengenal teks hadith disamping mempraktikkan adab makan melalui panduan teks hadith bahasa Arab yang berkaitan dengannya, seterusnya dapat meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam bahasa tersebut. Hal ini penting untuk melahirkan murid-murid yang lebih bersedia, berkeyakinan dan berani dalam menguasai bidang bahasa Arab serta menukar persepsi negatif murid terhadap matapelajaran Bahasa Arab.

Pengkaji dan Pembangun

Maklumat-maklumat dan dapatan kajian ini dapat memberikan idea kepada para pengkaji untuk membangunkan pelbagai alat atau BBM dalam PdP bahasa Arab yang memenuhi keperluan murid-murid sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat menyumbang kepada pengkaji untuk memperluas skop kajiannya dan dijadikan rujukan tambahan dalam kajian mereka. Tambahan lagi,

kajian ini memberi idea kepada pembangun untuk mereka bentuk modul-modul, kit atau perisian dalam bidang pendidikan.

TINJAUAN LITERATUR

Pembangunan Kit Media Bahasa Arab

Pelbagai instrumen kit media yang dibangunkan oleh para pengkaji dalam konteks PdP bahasa Arab. Antara kajian pembangunan kit media yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab iaitu kajian oleh Saipolbarin et al. (2017) yang bertajuk “I-Kit Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar ISM Bahasa Arab Dengan Pendidikan: Satu Analisis”. Kajian ini merupakan kajian pembangunan instrumen I-Kit sebagai BBM yang digunakan oleh guru pelatih bahasa Arab dalam tempoh latihan praktikal mengajar di sekolah. Kajian ini turut membincangkan keberkesanan I-Kit dalam PdP bahasa Arab yang merangkumi aspek kemahiran-kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Penggunaan Teks Hadith Dalam PdP

Menurut Maulana & Mohd Akil (2017) bahawa sukatan pelajaran pendidikan Islam khususnya melibatkan pembelajaran ilmu hadith haruslah diteliti bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Sukatan pelajaran haruslah yang bersesuaian dengan masa yang ditetapkan dan buku-buku rujukan yang khusus bagi pembelajaran ilmu hadith juga haruslah disediakan. Para guru juga hendaklah memperkenalkan kitab-kitab muktabar dalam proses pengajaran dan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian bagi meningkatkan minat para pelajar untuk mendalami ilmu ini. Justeru, kajian ini akan menekankan tentang pengenalan ilmu hadith dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih sistematik bagi menarik minat murid mempelajari matapelajaran bahasa Arab di sekolah.

Kaedah Gabungjaln Dalam Pengajaran

Menurut Mursyida & Norshidah (2021), pengajaran modular telah diperkenalkan sebagai satu pedagogi pengajaran alternatif untuk guru di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Matlamat utama pengajaran alternatif ini diperkenalkan adalah untuk mewujudkan kaedah pengajaran guru yang lebih menarik, fleksibel dan kreatif supaya murid berminat dengan pembelajaran serta dapat menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini akan memfokuskan kepada kaedah gabungjaln matapelajaran bahasa Arab dengan Pendidikan Islam dalam bidang Adab.

Situasi dan Konteks PdP Bahasa Arab di Sekolah

Teknik pembelajaran tradisional yang selama ini menjadi pilihan utama dalam pengajaran Adab (Sulaiman Mahzan et al., 2018) dengan menggunakan kaedah syarahan berbantuan alatan seperti papan hitam/putih serta buku rujukan, perlu diperingkatkan dengan menggunakan kaedah baharu

dengan berbantuan BBM yang bersesuaian dengan peredaran zaman. Oleh itu, kajian ini akan membangunkan satu modul yang dinamakan sebagai e-Ta'am supaya para guru dapat membina dan menggunakan BBM yang lain daripada kebiasaan supaya dapat menghasilkan PdP yang berkesan dan menarik minat pelajar seterusnya membawa kepada pencapaian objektif pelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui pengkajian di perpustakaan dan kajian lapangan (Darmalaksana, 2020b) melalui pendekatan Design Thinking (Darmalaksana, 2019). Pengkaji menggunakan metode Design Thinking bagi merujuk kepada cara pemikiran dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah.

Berpegang kepada konsep 'you never know until you've walked in their shoes', Design Thinking fokus kepada menyelesaikan masalah dengan meletakkan diri pengkaji sebagai end user atau pengguna terakhir. Melalui cara ini, pengkaji mampu mencorak serta menghasilkan sebuah idea dalam menyelesaikan permasalahan ini dengan lebih mudah.

Terdapat 5 fasa di dalam proses Design Thinking yang perlu pengkaji ambil kira dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah iaitu empati (empathy), kenali masalah (define the problem), pembedaan idea (ideate), prototaip (prototype) dan pengujian (test).

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini adalah menggunakan Model Design Thinking yang terdiri daripada lima fasa iaitu fasa empati (empathy), fasa kenali masalah (define the problem), fasa pembedaan idea (ideate), fasa prototaip (prototype) dan fasa percubaan (test). Setiap fasa yang dijalankan memerlukan populasi dan sampel tertentu. Justeru, populasi dan sampel kajian bagi fasa 1 (analisis keperluan) adalah terdiri daripada murid Tahun 5 dari sekolah kebangsaan seluruh Malaysia yang belajar bahasa Arab di sekolah masing-masing. Jadi, bagi menentukan persampelan yang betul maka pengkaji akan menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) seperti Jadual 1 dan Rajah 1:


Jadual 1: Jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380

70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	100000 0	384

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), untuk populasi yang bersaiz 5000, saiz sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 357 responden. Oleh yang demikian dianggarkan seramai 357 murid dipilih sebagai sampel kajian dengan teknik persampelan rawak bertujuan atau (random purposive sampling) daripada sampel kajian sebenar. Menurut Creswell (2009), teknik persampelan rawak bertujuan digunakan kerana terdapat kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji dalam pemilihan sampel kajian.

Rajah 1: Sampel Sekolah-sekolah Yang Dipilih Secara Rawak Berlapis



Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik (penilaian sumatif) dan ujian pra dan pasca terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan (penilaian formatif). Di samping itu, kesepakatan pakar juga dijalankan pada fasa penilaian melalui teknik Fuzzy Delphi bagi menilai kebolegunaan kit E-Ta'am dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab murid. Daripada jumlah populasi tersebut, sebanyak 357 buah sekolah kebangsaan iaitu sekolah kawasan bandar dan sekolah kawasan luar bandar dipilih sebagai sampel kajian tersebut. Manakala daripada 357 buah sekolah kebangsaan tersebut pengkaji akan memilih 357 orang responden iaitu murid-murid yang terlibat secara langsung dengan proses pembelajaran bahasa Arab. Sepertimana menurut Creswell (2009), teknik persampelan rawak bertujuan digunakan kerana terdapat kriteria-kriteria

yang ditetapkan oleh pengkaji dalam pemilihan sampel kajian.

Justeru, kajian ini memilih sampel kajian dengan teknik persampelan rawak bertujuan berikutan pengkaji menetapkan kriteria tertentu dalam pemilihan sampel kajian, seperti sampel kajian ini hanya terhad kepada murid Tahun 5 dari sekolah kebangsaan seluruh Malaysia yang belajar bahasa Arab. Di samping itu, sampel kajian dalam fasa ini juga terdiri daripada empat orang pakar dalam bidang bahasa Arab, bidang hadith, bidang Teknologi Instruksi dan bidang umum bagi menyokong dapatan analisis keperluan. Selain itu, bagi fasa 4 (prototaip), kajian ini menggunakan kajian eksperimen-kuasi dan sampel kajian terdiri daripada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan (menggunakan kaedah tradisional) dan kumpulan eksperimen (menggunakan kit e-Ta'am). Kedua-dua kumpulan ini dipilih menggunakan persampelan rawak kluster daripada 7780 buah sekolah rendah di Malaysia.

Responden kajian ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu murid-murid Tahun 5, guru Bahasa Arab dan ibubapa murid daripada 36 buah sekolah rendah yang telah dipilih dengan jumlah sebanyak 357 orang. 36 buah sekolah daripada empat negeri iaitu Kedah, Terengganu, Selangor dan Melaka ini merupakan sekolah rendah di Malaysia yang terpilih dan terlibat secara langsung dengan program j-QAF semenjak tahun 2005.

Sekolah-sekolah ini dipilih (berdasarkan mata pelajaran bahasa Arab yang digunakan) adalah di bawah pentadbiran Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM). Oleh sebab kajian ini melibatkan populasi yang besar, maka pemilihan responden dilakukan secara rawak berlapis.

Hadith-hadith Tentang Adab Makan

Pengkaji telah mengumpulkan sebanyak 40 buah hadith yang berkaitan dengan adab makan yang akan dimuatkan dalam kit E-Ta'am seperti berikut:

1. Hadith Perintah Makan Makanan Yang Halal Dan Larangan Memakan Makanan Yang Haram
2. Hadith Cuci Tangan Sebelum Makan
3. Hadith Mengucapkan Basmalah
4. Hadith Makan Dengan Tangan Kanan
5. Hadith Jangan Meniup Makanan Atau Minuman Panas
6. Hadith Jangan Gunakan Peralatan Yang Diperbuat Daripada Perak Dan Emas
7. Hadith Makan Menggunakan Tiga Jari
8. Hadith Menjilat Jari Dan Pinggan Makan Anda
9. Hadith Tidak Meninggalkan Makanan Berterabur
10. Hadith Galakan Makan Dari Tepi Pinggan
11. Hadith Tidak Makan Sambil Bersandar
12. Hadith Jangan Letak Makanan Pada Perut
13. Hadith Makan Segera Apabila Makanan Sudah Siap
14. Jangan Salahkan Makanan
15. Hadith Tidak Makan Dan Minum Sambil Berdiri
16. Hadith Jangan Berlebihan Dalam Memakan Makanan
17. Hadith Larangan Minum Dari Tempat Minum Yang Digunakan Ramai Orang
18. Hadith Amal Soleh Tidak Akan Diterima Jika Sebelum Ini Memakan Perkara Yang Haram
19. Hadith Larangan Meminum Khamar (Arak)

20. Hadith Makan Makanan Yang Dekat
21. Hadith Jangan Makan Berlebihan
22. Hadith Makan Dan Minum Mengikut Keperluan
23. Hadith Jangan Menghembus Minuman
24. Hadith Jangan Makan Dan Minum Terlalu Panas
25. Hadith Berkumur-Kumur Sesudah Minum Susu
26. Hadith Makan Dan Minum Tanpa Berlebihan
27. Hadith Bahagikan Perut Anda Kepada Tiga Bahagian
28. Hadith Makan Bersama Dan Tidak Sendirian
29. Hadith Memuji Allah Dan Berdoa Selepas Makan
30. Hadith Berdoa Untuk Orang Yang Menghidangkan Makanan
31. Hadith Mencuci Tangan
32. Hadith Mengutamakan Makan Daripada Solat Apabila Makanan Telah Dihidangkan
33. Hadith Jangan Berlebi-Lebihan Dan Berlebi-Lebihan
34. Hadith Apabila Lalat Jatuh Dalam Minuman
35. Hadith Minum Tiga Teguk Sambil Menarik Nafas Di Luar Gelas
36. Hadith Disarankan Bercakap Sambil Makan, Jangan Diam Dan Tenang Menikmati Makanan Seperti Orang Yahudi
37. Hadith Doa Memohon Perlindungan Daripada Kelaparan
38. Hadith Berwudhu' Untuk Makan Jika Seseorang Dalam Keadaan Junub
39. Hadith Tidak Bertanya Tentang Asal Usul Makanan
40. Hadith Jangan Menyebut Nama Makanan Dengan Nama Yang Tidak Disukai

Pengumpulan Data

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui pengkajian di perpustakaan dan kajian lapangan (Darmalaksana,2020b) melalui pendekatan Design Thinking (Darmalaksana, 2019). Adapun pendekatan Design Thinking meliputi beberapa fasa pelaksanaan penelitian iaitu empathize, define, ideate, prototype dan test (Henriksen et al., 2017).

Pengumpulan data dijalankan terhadap sampel kajian ini terdiri daripada murid Tahun 5 sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia. Antara langkah-langkah pengumpulan data adalah seperti berikut:

- i) Memohon keizinan daripada Jabatan Pendidikan setiap negeri untuk menjalankan kajian secara atas talian terhadap sekolah-sekolah yang terpilih.
- ii) Melantik enumerator dalam setiap sekolah bagi membantu pengkaji mengedarkan borang soal selidik secara atas talian kepada sampel kajian. Penerangan tentang tatacara untuk menjawab soal selidik turut dijelaskan kepada enumerator, bagi mengelakkan sebarang kekeliruan ketika sampel kajian menjawab soal selidik.
- iii) Pentadbiran soal selidik dijalankan terhadap sampel kajian di setiap sekolah terpilih melalui platform Google Form dengan bantuan enumerator yang dilantik. Jumlah sampel kajian bagi setiap sekolah terpilih adalah di antara 10-20% daripada 357 sampel yang dikehendaki mengikut teknik persampelan rawak bertujuan.

- iv) Pengumpulan borang soal selidik dijalankan secara atas talian melalui platform Google Form. Data yang dikumpul seterusnya disemak, disaring dan disisihkan sebelum penganalisan data dijalankan.
- v) Membangunkan kit e-Ta'am berdasarkan analisis keperluan yang telah dijalankan.
- vi) Menilai keberkesanan kit e-Ta'am dengan ujian pra dan pasca terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan yang terdiri daripada 100 sampel kajian di sekolah.
- vii) Penilaian terhadap keberkesanan kit e-Ta'am juga dijalankan terhadap 12 orang pakar yang berpengalaman dalam teknologi pendidikan dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua melalui platform Google Form.

Sekiranya data sebanyak 357 pelajar tidak dapat dikumpulkan maka pengkaji akan memohon kerjasama daripada setiap Jabatan Pendidikan Negeri untuk memberi kebenaran kepada pengkaji atau wakilnya untuk pergi ke sekolah-sekolah terpilih bagi mendapatkan data tersebut.

Analisis Data

Pembangunan e-Ta'am ini adalah sebagai satu medium alternatif yang boleh digunakan dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Arab dengan menggabungkan elemen-elemen interaktif, teknologi, cybergogy, heutagoy dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). E-Ta'am ini berupaya untuk yang menjadikan aktiviti PdP secara kolaboratif dan berpusatkan pelajar bersesuaian dengan pendekatan pembelajaran Pendidikan 4.0.

Kajian ini melalui tiga proses penganalisan data dalam fasa-fasa pembangunan kit e-Ta'am berasaskan Model Design Thinking. Dalam fasa analisis keperluan, data yang dikumpul melalui proses pengekodan dan penyaringan. Penyaringan data dijalankan untuk memastikan data yang dianalisis adalah tepat, bertabur secara normal, missing value (data hilang atau tiada) dan outliers (nilai ekstrim) dapat dikawal agar tidak menjejaskan dapatan kajian (Coakes & Steed, 2010). Setelah data disaring, data dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS versi 25. Data kualitatif bagi fasa analisis keperluan yang diperolehi daripada temu bual pakar juga dianalisis secara tematik melalui perisian Atlas.ti. versi 9. Dapatan kajian yang diperolehi merupakan hasil penilaian sumatif dan menjadi asas kepada pembangunan kit E-Ta'am berdasarkan Model Design Thinking. Setelah kit E-Ta'am dibangunkan, proses penilaian formatif dijalankan dan data dianalisis dengan perisian SPSS versi 25. Selain itu, penilaian formatif juga dijalankan dengan teknik Fuzzy Delphi dan data dianalisis dengan program EXCEL.

KESIMPULAN

Kertas cadangan penyelidikan ini menerangkan tentang kajian pembangunan kit E-Ta'am dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab murid melalui teks hadith di sekolah rendah terpilih di seluruh Malaysia. Cadangan ini meliputi pengenalan ringkas berkaitan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi operasional, tinjauan literatur dan metodologi kajian. Cadangan ini juga dapat menjadi platform kepada guru dalam aspek motivasi guru bahasa Arab

bagi mengatasi kurang keyakinan dan kepercayaan terhadap murid mereka untuk menguasai bahasa Arab melalui teks hadith.

Tuntasnya, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti penggunaan teks hadith bahasa Arab melalui Modul E-Ta'am mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab murid dalam PdP yang berlangsung di sekolah. Selain itu kajian ini juga akan membantu memperkukuhkan kefahaman dan pengetahuan guru terhadap penggunaan teks hadith dalam pengajaran bidang Adab di bawah tajuk Adab Makan, disamping mengenalpasti peningkatan pengetahuan pedagogi guru dan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan murid-murid Tahun 5 di sekolah rendah.

Keseluruhannya bab ini menghuraikan perkara-perkara yang menjadi latar belakang kajian ini. Perkara-perkara tersebut adalah berkaitan permasalahan yang menjadi titik tolak kepada pengkaji untuk menjalankan kajian. Manakala objektif, persoalan kajian dirangka berdasarkan pernyataan masalah dan kajian literatur yang berkaitan.

Kesimpulan bab ini diperjelaskan dalam kerangka konseptual kajian dan kepentingan kajian yang menjadi tulang belakang dalam keseluruhan bab. Namun begitu kajian-kajian terdahulu dalam literatur dalam bab seterusnya amat penting dalam menyokong kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2019). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 1-12.
- Albani bin Artari. (2018). Meningkatkan Penguasaan Kata Sendi Nama Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Menggunakan I-Senna. *Koleksi Inovasi Digital Jilid 4*. Pimp Bm 1 Jun 2018.
- Creswell, J. (2009). Editorial: Mapping the Field of Mixed Methods Research. *Journal of Mixed Methods Research*, 3(2), 95-108.
- Darmalaksana, W., (2020b). *Metode Penelitian Kualitatif Studi Pustaka dan Studi Lapangan*. PrePrint Digital Library UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970) . Determining Sample Sizes For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 22*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin dan Mohd Akil Muhamed Ali. (2017). Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia, *Jurnal al-Turath*; Vol. 2, No. 1; 2017 e-ISSN 0128-0899.

- Mursyida Aleas & Norshidah Mohd Salleh. (2021). Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Terhadap Pengajaran Modular Di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat, Selangor. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies And Education Arise*. Vol. 1 No. 3 (2021): (Online Publish: 31 September 2021).
- Nurul Haniza Samsudin Puteri Roslina Abdul Wahid Salinah Ja'afar. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas: Pembinaan Bahan Bantu Mengajar. *Jurnal Pengajian Melayu*.
- Rosni Samah. (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12)*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saipolbarin Ramli, Nazri Atoh, Zarima & Mohammad Ariffin. (2017). I-Kit Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ism Bahasa Arab Dengan Pendidikan Upsi: Satu Analisis. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(7), 79-89. Retrieved from <http://gbse.com.my/v3no7september17/Paper-117-.pdf>
- Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie dan Mohamad Hafidz Rahmat (2018). Aplikasi Didik Hibur Tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian Awal Persepsi Pengguna. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*. 2 (1) 1-16, 2018. ISSN: 2600-7606.
- Vijayaletchumy Subramaniam, Nadia Shuhada, Amirra Shazreena. (2018). Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMBAM) In The Teaching and Learning Process. *Advances in Social Sciences Research Journal –Vol.5, No.12* Publication Date: Dec. 25, 2018 DOI:10.14738/assrj.512.5595.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.